



## MSM dapat manfaat ringgit kukuh, gula mentah diimport dalam dolar

Oleh Nur Amira Mohd Hedzer - September 30, 2024 @ 1:51pm

bhbiz@NSTP.com.my



MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) - NSTP/ASYRAF HAMZAH

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) dijangka mendapat manfaat daripada pengukuhan ringgit, kerana gula mentah diimport sepenuhnya dalam dolar Amerika Syarikat (AS), demikian menurut penganalisis.

Ia selepas syarikat itu melaporkan prestasi mengecewakan pada suku kedua 2024 dengan mencatatkan kerugian bersih teras sebanyak RM14.1 juta didorong oleh penurunan ketara dalam jumlah jualan eksport sebanyak sekitar 40 peratus daripada 62,000 tan pada suku pertama 2024 kepada 37,000 tan pada suku kedua 2024.

Selain itu, harga jualan purata (ASP) susut disebabkan oleh penurunan harga gula mentah (NY11) dalam suku kedua 2024 serta kos input yang lebih tinggi akibat kerugian lindung nilai NY11 turut memberi kesan kepada prestasi kewangan pengeluar gula itu.

Penganalisis BIMB Securities Research, Sabariah Akhair, berkata prestasi pada suku kedua itu merupakan perubahan ketara selepas dua suku yang mencatatkan keuntungan berturut-turut iaitu pada suku keempat 2023 dan suku pertama 2024.

"Keuntungan bersih teras MSM bagi separuh pertama tahun 2024 tidak mencapai anggaran kami, di mana syarikat hanya menyumbang empat peratus daripada unjuran tahunan penuh," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Beliau berkata, walaupun menerima subsidi kerajaan sebanyak RM24 juta sebulan untuk gula kasar dan halus (CGS/FGS) satu kilogram, MSM tidak dapat mengimbangi kerugian lindung nilai dalam segmen eksportnya.

Katanya, memandangkan NY11 pada suku ketiga 2024 didagangkan pada paras yang hampir sama dengan suku kedua 2024 (AS\$19.4 sen setiap paun berbanding AS\$19.6 sen setiap paun), syarikat menjangkakan pendapatan MSM bagi suku ketiga 2024 akan kekal mencabar disebabkan oleh jangkaan penurunan dalam jumlah eksport.

"Jumlah eksport bagi separuh pertama 2024 hanya mewakili 33 peratus daripada sasaran jualan eksport penuh tahun sebanyak 300,000 tan untuk tahun kewangan 2024.

"Namun begitu, dengan NY11 meningkat kepada AS\$23.3 sen setiap paun berikutan kebakaran di Sao Paulo, Brazil, kami menjangkakan keuntungan lindung nilai dalam suku keempat 2024, yang seharusnya memberi prospek pendapatan yang lebih baik untuk MSM," katanya.

Beliau berkata, dengan musim perayaan yang akan datang pada suku keempat 2024 dan suku pertama 2025, dijangka berlaku peningkatan dalam jumlah jualan kerana peruncit dan pemborong biasanya menambah stok menjelang Krismas dan Tahun Baru Cina.

"Kami telah menyemak semula unjuran keuntungan bersih teras pada tahun kewangan 2024 sebanyak sebanyak -87 peratus (RM27.7 juta) dan tahun kewangan 2025 sebanyak -85 peratus (RM56.5 juta).

"Walau bagaimanapun, kami menjangkakan peningkatan yang ketara dalam pendapatan tahun kewangan 2025 (104 peratus tahun ke tahun) kepada RM56.5 juta, didorong oleh harga NY11 yang lebih tinggi berikutan kebakaran yang berlaku di Brazil, dengan ASP yang lebih tinggi dan kedudukan lindung nilai yang lebih baik pada NY11.

\*\*\*

HEADLINE	MSM dapat manfaat ringgit kukuh, gula mentah diimport dalam dolar
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	30 September 2024, 1:51pm
BY	Nur Amira Mohd Hedzer
LINK	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/09/1304842/msm-dapat-manfaat-ringgit-kukuh-gula-mentah-diimport-dalam-dolar">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/09/1304842/msm-dapat-manfaat-ringgit-kukuh-gula-mentah-diimport-dalam-dolar</a>